

05

Keberkesanan Penggunaan Pendekatan *Patchwork Text Assessment* Dalam Mereka Bentuk Pembelajaran Teradun

Sekolah Rendah Sembawang



Norlin Mansor

norlin_mansor@schools.gov.sg



Nurul Syahidah Bahari

nurul_syahidah_bahari@schools.gov.sg

Abstrak

Pembelajaran Teradun kini semakin menjadi sorotan akibat situasi COVID-19. Namun, reka bentuk pembelajaran teradun yang dapat membantu menerapkan kemahiran bahasa secara sistematik masih sukar dihasilkan. Reka bentuk pembelajaran teradun yang efektif penting memandangkan pembelajaran teradun akan menjadi sebahagian daripada norma baharu landskap pendidikan di Singapura. Dalam kajian ini, satu usaha telah dilakukan untuk merungkai definisi pembelajaran teradun dan menghasilkan reka bentuk pembelajaran teradun yang sistematik dengan menggunakan pendekatan Penilaian *Patchwork Text* dalam mengajarkan kemahiran bertutur bagi murid Darjah 1. Reka bentuk pembelajaran teradun ini telah diuji cuba untuk meneliti keberkesanannya. Antara keberkesanan pendekatan ini ialah pembelajaran berlaku secara lebih mendalam dan bermakna.

Kata Kunci: pembelajaran teradun, kemahiran bertutur

PENGENALAN

Dalam era digital ini, adalah penting untuk murid kita dilengkapi dengan pengetahuan, kemahiran dan kecenderungan yang diperlukan untuk berkembang maju dalam kepelbagaian kemahiran dan pengetahuan. COVID-19 telah menjadikannya lebih penting untuk membina kemajuan murid semasa Pembelajaran Di Rumah (HBL) ketika Pemutus Litar diumumkan pemerintah. Pembelajaran Teradun (*Blended Learning*) merupakan norma baharu dalam pengalaman pembelajaran di sekolah.


COVID-19 telah mendorong norma baharu dalam amalan Pengajaran dan Pembelajaran (PdP) di sekolah-sekolah Singapura. Sekolah Rendah Sembawang (SBPS) juga tidak terkecuali daripada fenomena ini. Untuk memenuhi keperluan norma baharu ini, SBPS telah mengenal pasti Pembelajaran Teradun atau *Blended Learning* (BL) sebagai fokus pembangunan profesional guru bagi tahun 2021 dengan menggunakan Pendekatan *Patchwork Text Assessment* dalam mereka bentuk BL. Fokus ini memanfaatkan pengalaman yang diraih guru semasa merancang dan melaksanakan PdP ketika berlakunya HBL. SBPS juga berharap menjadikan BL sebagai salah satu ciri utama pengalaman pembelajaran di sekolah. Selain itu, BL dapat mengembangkan keupayaan murid untuk belajar secara sendiri, mendalam dan menjadi pelajar sepanjang hayat.

PERNYATAAN MASALAH

Bagi Unit Bahasa Melayu SBPS, pelbagai strategi telah dicuba untuk mengajar kemahiran bertutur kepada murid. Satu pemerhatian yang diketengahkan ialah strategi-strategi yang dihasilkan ini lebih condong kepada aktiviti pembelajaran yang memberatkan format peperiksaan dan berpusatkan guru.

Satu lagi perkara yang menjadi keprihatinan guru ialah kemahiran bertutur bagi peringkat Darjah 1 dan Darjah 2. Kemahiran bertutur merupakan salah satu kemahiran asas yang perlu dikuasai murid pada peringkat ini. Namun, dengan berlakunya HBL, bukan mudah untuk menerapkan PdP bagi kemahiran bertutur dengan menggunakan ICT.

Maka, Unit Bahasa Melayu SBPS berharap dapat menjadikan BL sebagai wadah yang boleh diterokai untuk menjalankan PdP bagi kemahiran bertutur lebih bermakna untuk semua murid di peringkat Darjah 1 khususnya.



Dalam kajian ini, kemahiran bertutur akan diberi penekanan dalam PdP BL. Menurut Sukatan Pelajaran Bahasa Melayu bagi Sekolah Rendah 2015, kemahiran bertutur membentuk 25%. Bagi peperiksaan pula, murid dikehendaki menguasai kemahiran bertutur berdasarkan video rangsangan yang telah ditonton.

Walaupun penerapan teknologi maklumat (ICT) dalam PdP bukanlah sesuatu yang asing bagi guru di SBPS, bidang BL masih merupakan sesuatu yang belum diterokai secara mendalam. Bagi Jabatan Bahasa Ibunda SBPS, tidak banyak yang diketahui tentang BL selain daripada Pembelajaran Berbalik (*flipped learning*).

OBJEKTIF KAJIAN


Tujuan kajian ini adalah untuk:

1. menilai keberkesanan kemahiran bertutur murid berdasarkan reka bentuk pembelajaran teradun yang efektif untuk menambah nilai pengalaman pembelajaran murid Darjah 1; dan
2. menghasilkan reka bentuk pembelajaran teradun yang berkesan dengan menggunakan rangka pembelajaran *Patchwork Text Assessment*.

KAJIAN LEPAS

Berdasarkan pernyataan masalah dan objektif kajian yang telah dikenal pasti, kajian lepas dijalankan dalam usaha untuk memahami teori-teori yang mendasari BL dan Penilaian *Patchwork Text* serta aliran perkembangan dalam bidang ini. Kajian lepas ini juga bertujuan untuk mengenal pasti kebarangkalian cabaran-cabaran dalam mengaplikasikan BL dan Penilaian *Patchwork Text*.

Menurut Sharma (2010) dan Derbel (2017), konsep yang merangkaikan pengajaran bersemuka (*face to face instruction*) dengan pengajaran secara dalam talian terjadi seiring dengan perkembangan dalam bidang Informasi Komunikasi Maklumat (ICT). Penerimaan konsep ini dalam bidang pendidikan didasari kepercayaan bahawa ICT berupaya melengkapi dan memperkaya pengajaran secara bersemuka. Derbel (2017) menambah, terdapat juga tanggapan bahawa BL mampu mentransformasikan PdP dengan manfaat-




manfaat seperti menjadikan pembelajaran sesuatu yang lebih sesuai dengan keperluan murid dan meningkatkan akses kepada bahan-bahan pengajaran. Banyak kajian telah dijalankan untuk meneroka, menjelaskan dan mereka bentuk BL dewasa ini (Boelens, De Wever & Voet, 2017); (Picciano, Dziuban, & Graham, 2013).

Salah satu cara untuk memahami BL adalah melalui penelitian pada ciri-ciri dan kategori-kategori BL. Secara umum, BL ditakrifkan sebagai satu cara pembelajaran yang menggabungkan pengajaran bersemuka dengan pembelajaran dalam talian sama ada secara individu atau berkumpulan (Derbel, 2017). Terdapat beberapa definisi lain yang cuba memberikan pencerahan tambahan kepada takrifan Derbel. Contohnya, Allen and Seamen (2007) mengatakan bahawa BL merangkumi 30 hingga 70% pembelajaran secara dalam talian. Garrison & Kanuka (2004) pula menggunakan deskripsi 'penyepaduan yang cermat' antara pengajaran bersemuka dan pembelajaran secara dalam talian. Picciano (2006) mendefinisikan BL sebagai 'kursus pembelajaran yang menggabungkan pembelajaran dalam talian dengan pengajaran bersemuka secara terancang dari segi pedagogi'.

Satu lagi cara untuk memahami BL adalah dengan meneliti model-model BL yang dianjurkan para pengkaji bidang ini. Model-model ini adalah percubaan untuk mengenal pasti jenis-jenis BL dan sejauh mana teknologi diserapkan di dalam PdP (Derbel, 2017) serta kaedah pedagogi yang digunakan dalam gabungan yang terhasil (Graham and Robison, 2007).


Dalam konteks pendidikan, model yang digagaskan Staker dan Horn (2014) dianggap sesuai dijalankan di sekolah rendah atau menengah yang mempunyai peranan sebagai 'penjaga' kepada murid sementara ibu bapa bekerja. Model BL Staker dan Horn (2014) menyerupai sebuah matriks seperti yang tertera dalam Rajah 1.

Rajah 1: Matriks Pembelajaran Teradun



Dalam Rajah 1, Paksi-X ialah lokasi murid dalam BL yang boleh berada 100% di sekolah atau 100% di rumah (atau di tempat lain) atau kombinasi kedua-dua lokasi ini. Paksi-Y pula merupakan peratusan masa yang digunakan murid untuk belajar secara dalam talian atau bersemuka. Sekali lagi, peratusan masa ini merupakan julat antara 100% dalam talian atau 100% secara bersemuka. Berdasarkan matriks ini, Staker dan Horn (2014) mencadangkan model BL dalam Rajah 2.

Rajah 2: Model Pembelajaran Teradun (Staker & Horn, 2014)



Dalam model ini, BL merangkumi Model Putaran, Model Lentur, Model Pemerkasaan Alam Maya dan Model *Ala Carte*. Di bawah Model Putaran, terdapat subkategori Putaran Stesen, Putaran Makmal, Putaran Individu dan Pembelajaran Berbalik. Murid bergerak secara bergilir antara pembelajaran yang berbeza mengikut jadual. Dalam subkategori Putaran Stesen, murid bertukar dan bergerak antara beberapa stesen pembelajaran di dalam kelas dengan salah satu stesen merupakan pembelajaran dalam talian. Stesen lain boleh berupa stesen yang menggunakan pena dan kertas.


Subkategori Putaran Makmal pula memerlukan pembelajaran berlaku di lokasi yang berbeza di sekolah iaitu di makmal komputer. Pembelajaran Berbalik pula berlaku di sekolah atau di rumah. Murid boleh menerima pembelajaran secara bersemuka atau secara dalam talian sebelum atau selepas sesuatu topik pengajaran. Bagi subkategori Putaran Individu, murid bergerak antara aktiviti pembelajaran yang berbeza mengikut jadual yang sesuai dengan keperluan murid dengan salah satu aktiviti pembelajaran secara dalam talian.

Dalam Model Lentur, pembelajaran berlaku secara dalam talian. Pembelajaran bersemuka diberikan apabila diperlukan sahaja. Dalam Model *Ala-Carte*, murid dapat memilih daripada senarai aktiviti pembelajaran yang boleh dilakukan secara dalam talian. Aktiviti ini menyokong pembelajaran yang berlaku secara bersemuka di sekolah. Bagi Model Pemerksaan Alam Maya, murid dikehendaki mempelajari sesuatu topik secara bersemuka dahulu sebelum dapat memperdalam perkara yang telah dipelajari secara dalam talian.

Model BL Stacker dan Horn membantu pendidik memahami lapisan fizikal BL seperti bila dan di mana BL boleh berlaku. Namun, adalah penting untuk para pendidik memahami aspek pedagogi yang menghidupkan BL. Sloman (2007) berpendapat bahawa amat penting untuk guru memahami perkara-perkara yang dapat memotivasi murid, jenis sokongan pembelajaran yang diperlukan dan cara sokongan ini dapat disalurkan. Hanya dengan memahami perkara-perkara ini, barulah adunan yang sesuai dapat dihasilkan. Graham dan Robinson (2007) pula mencadangkan BL yang bersifat transformatif iaitu pedagogi yang digunakan berupaya menggerakkan PdP daripada tahap hanya menyampaikan informasi kepada tahap pembelajaran berlaku secara aktif.

Di Singapura, gagasan Graham dan Robinson (2007) ini boleh dilihat dalam Rangka ke-4 Pelan Induk ICT yang diperkenalkan pada tahun 2015 dan juga dalam rangka Perancah Pedagogi SLS. Dalam rangka-rangka ini, BL harus merangkumi tiga ciri. Pertama, reka bentuk BL harus mengutamakan pelibatan murid dan membolehkan mereka belajar di mana-mana sahaja. Kedua, BL harus memastikan bahawa terdapat banyak peluang untuk murid berkolaborasi dan akhir sekali, BL harus membolehkan murid membuat penilaian sendiri atau rakan sebaya tentang pencapaian mereka.

Penilaian *Patchwork Text* merupakan satu cara atau kaedah yang membahagikan pembelajaran sesuatu konsep atau kemahiran kepada bahagian-bahagian kecil. Apabila pengetahuan yang didapati daripada setiap



bahagian ini dicantumkan, akan terbentuk pemahaman yang menyeluruh tentang konsep atau kemahiran yang dipelajari. Winter (2003) mentakrifkan Penilaian *Patchwork Text* sebagai:

'The essence of a patchwork is that it consists of a variety of small sections, each of which is complete in itself, and that the overall unity of these component sections, although planned in advance, is finalized retrospectively, when they are 'stitched together' (Winter 2003, 112).

Penilaian *Patchwork Text* juga semakin menjadi sorotan kerana ia merupakan alat PdP yang boleh digunakan dalam konteks yang berbeza dan subjek yang pelbagai (Travelyn & Wilson, 2012).

Satu kekuatan Penilaian *Patchwork Text* ini ialah keupayaannya membantu murid untuk belajar secara mendalam tentang sesuatu konsep atau kemahiran di setiap bahagian atau *patch*, sebelum mencantumkan semua pelajaran ini (Travelyn dan Wilson, 2012). Sifat Penilaian *Patchwork Text* yang mudah lentur ini menjadikannya sesuai untuk digandingkan dengan BL.

Oakes dan Casewit (2003) berpendapat bahawa dalam BL, amatlah penting aktiviti pembelajaran disusun secara sistematik. Mereka juga menyetujui kepentingan mereka bentuk persekitaran pembelajaran yang membolehkan murid menguasai sesuatu kemahiran secara bertahap. Tambahan lagi, kedua-dua BL dan Penilaian *Patchwork Text* mementingkan aspek kolaborasi yang membenarkan murid menimba pengetahuan melalui kitaran pembelajaran. Ini jelas menunjukkan kesesuaian mengintegrasikan Penilaian *Patchwork Text* dengan BL.

KAEDAH KAJIAN

Subjek Kajian

Kajian ini melibatkan 51 orang murid Darjah 1 dan tiga orang guru. Murid dibahagikan kepada dua kelas. Kelas A mempunyai 24 orang murid dan Kelas B mempunyai 27 orang murid. Murid-murid ini tidak dibahagikan mengikut tahap keupayaan.

Dalam Kelas A, terdapat 6 orang murid praaras pencapaian, 10 orang murid pada aras pencapaian dan 8 orang melebihi aras pencapaian. Dalam

Kelas B, terdapat 8 orang murid praaras pencapaian, 12 orang murid pada aras pencapaian dan 7 orang murid melebihi aras pencapaian. Bagi murid praaras pencapaian, mereka agak lemah dalam kemahiran membaca.

Murid Darjah 1 ini belum didedahkan secara berstruktur pada kemahiran bertutur. Ini disebabkan mereka lebih menumpukan pada kemahiran membaca selama 6 bulan pertama. Guru yang terlibat mempunyai pengalaman mengajar sekurang-kurangnya 11 tahun. Mereka mempunyai sekurang-kurangnya 10 tahun pengalaman mengajar murid pada peringkat Darjah 1.

Instrumen Kajian

Pengumpulan data berlaku pada tiga tahap. Sebelum kajian bermula, beberapa penelitian dilakukan untuk memahami tahap pencapaian murid di dalam subjek Bahasa Melayu. Bagi tujuan ini, antara bahan yang diteliti ialah rekod formatif yang dicatatkan guru tentang kemajuan setiap murid pada setiap penggal. Selain itu, Skema Kerja dan Sukatan Pelajaran bagi Darjah 1 diteliti. Ini dilakukan untuk memudahkan tahap kosa kata yang boleh dikenal pasti untuk diajarkan dan digarap oleh murid.

Semasa kajian dijalankan, pengumpulan data dilakukan untuk mencatat respons murid kepada reka bentuk pengalaman pembelajaran yang telah direka khas untuk mereka. Pengumpulan data dilakukan dalam bentuk sesi pencerapan kelas oleh salah seorang guru pemerhati yang terlibat. Tugas-tugas yang dihasilkan murid juga turut diteliti untuk melihat keberkesanan bahan-bahan PdP serta aktiviti pembelajaran yang telah diatur.

Data juga dikumpulkan melalui sesi temu bual sesudah sesi pencerapan. Sesi temu bual ini bertujuan mengumpulkan pandangan guru tentang pelajaran yang baru selesai dijalankan. Melalui sesi ini, pembaikan dilakukan terhadap pakej pembelajaran yang telah direka.

Prosedur Kajian

Kajian dimulakan dengan penelitian rekod kemajuan murid untuk mengenal pasti tahap pencapaian murid dalam Bahasa Melayu. Sukatan pelajaran dan skema pelajaran bagi Darjah 1 turut dianalisis untuk memahami tahap kemahiran bertutur yang harus digarap murid serta objektif pembelajaran yang

perlu dicapai. Pada masa yang sama, kajian lepas dilakukan tentang BL serta Penilaian *Patchwork Text* untuk menentukan kaedah serta strategi yang paling berkesan bagi melakar aktiviti pembelajaran.

Selepas penelitian ini dilakukan, reka bentuk kurikulum yang mengintegrasikan BL dan Penilaian *Patchwork Text* dalam kemahiran bertutur mula diatur. Proses ini dimulakan dengan mencerakinkan kemahiran bertutur menjadi kategori-kategori kecil seperti isi, kosa kata dan kelancaran. Kesemua kategori ini merupakan sebahagian daripada kemahiran bertutur yang harus dikuasai murid. Kategori-kategori ini disusun dan dikembangkan menjadi sebuah rubrik PdP yang mesra murid. Rubrik ini mesra murid kerana skrip yang digunakan sebagai perancah kemahiran berfikir murid seperti AMP (Apa, Mengapa dan Perasaan) diletakkan dalam rubrik. Hal ini memudahkan murid mengesan tahap pencapaian mereka dan kesilapan yang dilakukan serta cara untuk memperbaiki prestasi. Jadual 1 menunjukkan Rubrik PdP yang terhasil.

Jadual 1: Rubrik Kemahiran Bertutur


Kriteria	Pakar	Yakin	Sedang Membangun	Memerlukan Bantuan
Isi	Isi cerita saya sesuai dengan topik dan dikembangkan dengan contoh. A M P	Isi cerita saya sesuai dengan topik tetapi tidak dikembangkan dengan contoh. A M	Isi cerita saya tidak boleh difahami kerana ada isi yang tidak sesuai. (A)	Saya memerlukan bantuan untuk mencari idea yang sesuai dengan topik.
Kosa Kata	Saya menggunakan kosa kata yang sesuai dan berbagai (KN+KK+KA) ketika bertutur tentang topik.	Saya menggunakan kosa kata yang sesuai dan berbagai (KN+KK) ketika bertutur tentang topik.	Saya tidak dapat bertutur dengan baik (KN sahaja) tentang topik kerana saya tidak tahu beberapa kosa kata penting.	Saya memerlukan bantuan untuk mencari dan memilih kosa kata yang sesuai tentang topik.
Kelancaran	Penyampaian saya mudah difahami kerana percakapan saya tidak terhenti-henti.	Penyampaian saya masih boleh difahami walaupun kadang kala percakapan saya terhenti-henti.	Penyampaian saya susah difahami kerana saya banyak kali terhenti-henti.	Saya terhenti dengan lama semasa bertutur.

Empat pelajaran atau *patchwork* dihasilkan berdasarkan setiap kategori yang terdapat dalam rubrik ini. Keempat-empat pelajaran ini juga merupakan BL. Pada akhir keempat-empat pelajaran ini, murid-murid menggabungkan perkara yang telah dipelajari daripada setiap pelajaran untuk menghasilkan sebuah rakaman Unjuk dan Ujar. Keempat-empat pelajaran ini dijalankan setiap minggu selama 1 jam 30 minit bagi setiap pelajaran.

Sesi pencerapan dilakukan di dalam Kelas A dan Kelas B bagi setiap pelajaran. Sesi temu bual pula dilakukan setiap kali selepas sesi pencerapan bagi mendapatkan maklum balas guru. Jadual 2 merupakan gambaran keseluruhan kajian ini.

Jadual 2: Gambaran Keseluruhan Kajian

Penggal/ Minggu	Pelajaran (Patch)	Aktiviti	Objektif
Penggal 3/ Minggu 8	1	<u>Pembelajaran Teradun</u> • Pembelajaran Berbalik (<i>Flipped Learning</i>) Station <i>Rotation</i> <u>Bahan ICT</u> • Padlet • SLS • Classpoint	Fokus: Mengenali Standard Murid-murid dapat: • Mengenal pasti standard isi (kerelevanan) • Memahami rubrik pertuturan untuk bahagian isi • Memahami skrip AMP
Penggal 3/ Minggu 8	2.1		Fokus: Isi • Murid-murid dapat menjana idea dengan menggunakan skrip AMP. • Fokus kepada aspek Apa, Siapa, Bila dan Di Mana
Penggal 3/ Minggu 8	2.2		Fokus: Isi • Murid-murid dapat menjana idea dengan menggunakan skrip AMP. - Fokus kepada aspek M – Mengapa P- Perasaan
Penggal 3/ Minggu 8	3		Fokus: Kosa Kata • Murid-murid dapat menjana kosa kata menggunakan skrip Golongan Kata: kata nama (KN), kata kerja (KK) dan kata adjektif (KA).
Penggal 3/ Minggu 8	4		Fokus: • Murid-murid belajar untuk memperbaiki skrip Unjuk dan Ujar dan berlatih bertutur.



Berikut merupakan penerangan pendek bagi setiap pelajaran atau *patchwork* yang dihasilkan.

Pelajaran 1

Objektif pelajaran 1 adalah untuk memperkenalkan murid-murid kepada Rubrik PdP dan membantu murid memahami rubrik pertuturan. Pada akhir pelajaran, murid seharusnya dapat mengenal pasti aspek kerelevanan dan kecukupan isi pertuturan yang telah disampaikan. Menggunakan pembelajaran berbalik, murid menonton video contohan dua orang murid bertutur di rumah. Mereka memberikan maklum balas mengenai pertuturan dua orang murid tersebut.

Guru membincangkan aspek kerelevanan dan kecukupan isi dengan memperkenalkan murid-murid kepada skrip AMP (Apa, Mengapa, Perasaan) di dalam bilik darjah. Menggunakan *station rotation*, murid membincangkan semula aspek kerelevanan dan kecukupan isi contohan yang telah ditonton di rumah. Dapatan murid dicatatkan di Padlet.

Pelajaran 2

Murid diberikan tema 'Binatang Kegemaran'. Menggunakan teknik *station rotation*, murid-murid menonton satu lagi contohan video dan memberikan penilaian mereka mengenai contohan itu berdasarkan rubrik dan juga menggunakan skrip 'AMP'. Murid menjana idea bagi tema tersebut.

Pelajaran 3

Pada pelajaran 3, murid diperkenalkan kepada aspek peluasan kosa kata. Menggunakan skrip kata nama, kata kerja dan kata adjektif, murid diperkenalkan cara untuk memperluaskan kosa kata. Contohnya, apabila bercakap tentang binatang kegemaran mereka, murid digalakkan menyenaraikan kosa kata daripada ketiga-tiga golongan kata untuk memberikan deskripsi yang lebih tepat tentang binatang yang menjadi topik perbualan mereka. Dengan merujuk kepada rubrik, murid diingatkan bahawa untuk mencapai tahap pakar, mereka harus berupaya menjana kosa kata daripada ketiga-tiga jenis golongan kata. Dengan menggunakan *station rotation*, murid mengakses bahan-bahan multimedia (buku elektronik, video dan audio) yang dapat membantu mereka mencari kosa kata yang sesuai dengan tema pilihan mereka.

Pelajaran 4 - Tugas Integrasi Akhir

Pada pelajaran 4, murid menyediakan skrip bagi persembahan Unjuk dan Ujar. Selepas itu, murid merakam pertuturan mereka. Mereka juga berpeluang

mengulang rakaman sekiranya mereka tidak berpuas hati dengan persembahan mereka.

DAPATAN KAJIAN & PERBINCANGAN

Dalam mengintegrasikan BL dengan Penilaian *Patchwork Text*, dapatan menunjukkan maklum balas ini telah dapat dimanfaatkan dalam bentuk pembaikan kepada reka bentuk pelajaran yang seterusnya. Sesi pencerapan yang kerap dijalankan, membolehkan perkara ini berlaku. Sebagai contoh, dalam pelajaran 1, antara maklum balas yang diberikan ialah contoh yang diberikan tidak bersesuaian dengan skrip AMP yang diajarkan kepada murid. Maka itu, pada pelajaran yang kedua, contoh baharu dihasilkan dengan menggunakan skrip AMP. Ini membantu murid melihat penggunaan skrip dalam menghasilkan pertuturan yang baik. Sila lihat Jadual 3 bagi contoh skrip AMP.

Jadual 3: Contoh Skrip AMP (Apa, Mengapa, Perasaan)

Apa (Bila, Siapa, Di mana)

Selamat sejahtera, Cikgu Norlin dan kawan-kawan. Nama saya Siti dan saya dari Darjah 1 Empathy. Hari ini, saya akan berkongsi tentang haiwan kegemaran saya. Haiwan kegemaran saya ialah harimau. Saya pernah melihat harimau di taman haiwan. Saya telah pergi ke taman haiwan pada tahun lepas bersama keluarga saya.

Mengapa


Saya suka harimau kerana harimau sangat garang. Badan harimau juga kuat. Saya suka melihat belangnya yang cantik. Belang harimau berwarna hitam. Bulunya pula berwarna jingga. Harimau tinggal di dalam hutan. Harimau suka makan daging. Harimau boleh berlari dengan laju dan pandai berenang.

Perasaan

Saya berasa sangat gembira dapat melihat harimau di taman haiwan. Saya harap ibu bapa saya akan membawa saya ke sana lagi. Itulah haiwan kegemaran saya. Saya harap kawan-kawan semua berasa seronok mendengar cerita saya. Terima kasih!

Integrasi BL dan Penilaian *Patchwork Text* berjaya mendorong murid untuk menguruskan pembelajaran mereka secara sendiri. Melalui sesi pencerapan, temu bual dengan guru serta analisis hasil kerja, murid berjaya menghasilkan persembahan Unjuk dan Ujar dengan baik tanpa bantuan ibu bapa mereka. Pada tahun sebelum ini, salah satu masalah yang dihadapi semasa menjalankan aktiviti Unjuk dan Ujar ialah guru tidak pasti sama ada hasil kerja yang dipersembahkan murid benar-benar hasil kerja yang dihasilkan secara sendiri. Dalam kajian ini, murid tidak dibenarkan membawa pulang kerja mereka. Sebaliknya, mereka diminta untuk menghabiskan segala tugasan di bilik darjah dalam masa yang ditetapkan. Sila lihat Rajah 5. Bagi bahagian Isi, murid-murid dapat menepati kriteria rubrik kerana telah menjalani *Patchwork Text Assessment*. Bagi bahagian Kelancaran & Gaya, kemahiran murid akan digilap lagi semasa mereka di Darjah 2, melalui Program Drama & Pertuturan.

Rajah 3: Penilaian Bagi Bahagian Isi Dan Kelancaran & Gaya Bahasa



Satu lagi kesan positif pendekatan integrasi ini ialah murid praaras pencapaian berupaya mengikuti pembelajaran. Walaupun mereka tidak dapat mencapai tahap 'Pakar' seperti yang terdapat di dalam Rajah 3, mereka dapat mencapai ke tahap 'Yakin' dan 'Sedang Membangun'. Yang penting, mereka tahu cara untuk mencapai tahap 'Yakin' melalui skrip-skrip yang telah diperkenalkan. Sila lihat Rajah 6 bagi contoh skrip.

Murid dapati pelajaran ini sangat menarik. Mereka dapat melibatkan diri secara aktif dalam pembelajaran. Penggunaan ICT dalam bentuk Pembelajaran Berbalik atau *Station Rotation* menjadikan pembelajaran lebih hidup dan menyeronokkan. Sesi Unjuk dan Ujar yang dilakukan secara rakaman turut

meningkatkan keyakinan murid. Mereka mempunyai kuasa untuk memilih persembahan yang terbaik untuk dipersembahkan kepada khalayak. Sesi pencerapan mendedahkan kesungguhan murid membuat beberapa ulangan rakaman kerana mereka tidak berpuas hati dengan prestasi mereka. Ini menunjukkan bahawa murid boleh melakukan penilaian sendiri.

Murid dapat menggunakan rubrik yang diajar untuk menilai contoh video yang diberikan dan 75% murid berjaya melakukan perkara ini. Ini menunjukkan bahawa walaupun pada tahap praaras pencapaian, murid boleh melakukan penilaian sendiri, mencari bukti dan pelbagai lagi aktiviti pembelajaran.


CADANGAN

Antara cabaran utama yang dihadapi dalam melaksanakan kajian ini ialah masalah akses kepada alat-alat ICT di rumah. Pada pelajaran pertama yang memerlukan murid-murid melakukan pembelajaran berbalik, ada segelintir murid yang tidak dapat melakukan aktiviti ini. Ini disebabkan faktor-faktor seperti tidak ada komputer bimbit dan pautan Internet yang laju di rumah. Oleh itu, dalam melaksanakan pembelajaran ini pada masa hadapan, pihak sekolah perlu mengatasi masalah ini agar pembelajaran boleh dijalankan dengan lebih lancar.

KESIMPULAN

Kesimpulan yang dapat dirumuskan daripada kajian ini ialah murid dapat bertutur dengan lancar sekiranya PdP dapat dirancang dengan baik. Usaha untuk menghasilkan reka bentuk BL yang sistematik dengan menggunakan Penilaian *Patchwork Text* dalam mengajarkan kemahiran bertutur dapat dilakukan dengan berkesan. Melalui usaha ini, setiap ciri penting dalam kemahiran bertutur menjadi tumpuan setiap bahagian dalam BL yang dihasilkan. Bahagian-bahagian BL ini apabila dicantumkan dapat membentuk satu cantuman (*patchwork*) yang membolehkan murid mempelajari setiap aspek penting kemahiran bertutur secara mendalam.

Antara persoalan yang telah dikenal pasti ialah persoalan tentang rangka pembelajaran dan aspek penilaian merupakan persoalan yang dianggap penting kerana reka bentuk BL yang dihasilkan perlu sistematik agar aktiviti-aktiviti pembelajaran yang dijalankan benar-benar efektif.



Justeru, kajian ini membuktikan bahawa reka bentuk BL yang efektif bagi PdP kemahiran bertutur boleh dijalankan bagi peringkat Darjah 1 dengan seronoknya. Murid juga dapat membuat penilaian secara sendiri. Dengan mengintegrasikan reka bentuk BL dengan Penilaian *Patchwork Text* yang tersusun, guru dapat menambah nilai terhadap pengalaman pembelajaran murid-murid.

Guru yang turut terlibat dalam kajian ini:

1. Ganda Sari Chokri

RUJUKAN

Boelens, R., De Wever, B., & Voet, M. (2017). Four key challenges to the design of blended learning: A systematic literature review. *Educational Research Review*, 22, 1–18. <https://doi.org/10.1016/j.edurev.2017.06.001>

Curd-Christiansen, X., & Sun, B. (2016). Nurturing bilingual learners: challenges and concerns in Singapore. *International Journal of Bilingual Education and Bilingualism*, 19(6), 689–705. <https://doi.org/10.1080/13670050.2016.1181606>

Faiza Derbel. (2017). Blended Learning: Concept, Emerging Practices and Future Prospects. *European Conference on e-Learning*, 142–149.

Graham, C. & Robison, R. (2007). Realizing the Transformational Potential of Blended Learning. In A. Picciano, & C. Dziuban, (EDs.) *Blended Learning: Research Perspectives* (pp.83-111). United States of America: the Sloan Consortium.

Graham, C. R. (2009). Blended learning models. In *Encyclopedia of Information Science and Technology, Second Edition* (pp. 375-382). IGI Global.

Hew, K. F., & Cheung, W. S. (2014). *Using blended learning: Evidence-based practices*. ProQuest Ebook Central <https://ebookcentral.proquest.com>

Kumi-Yeboah, A., & Smith, P. (2018). Trends of Blended Learning in K-12 Schools: Challenges and Possibilities. In Management Association, I. (Ed.), *Online Course*

Lim, Cher Ping. (2007). Effective integration of ICT in Singapore schools: Pedagogical and policy implications. ERA 2010. 55. 10.1007/s11423-006-9025-2.

Management: Concepts, Methodologies, Tools, and Applications (pp. 43-61). IGI Global. <http://doi:10.4018/978-1-5225-5472-1.ch004>

Picciano, A. G., Dziuban, C. D., & Graham, C. R. (Eds.). (2013). *Blended learning: Research perspectives*, volume 2. ProQuest Ebook Central <https://ebookcentral.proquest.com>


Rose Trevelyan & Ann Wilson (2012) Using patchwork texts in assessment: clarifying and categorising choices in their use, *Assessment & Evaluation in Higher Education*, 37:4, 487-498, DOI: 10.1080/02602938.2010.547928

Silver R.E., Curdt-Christiansen X.L., Abdullah R.B.B., Lakshmi S., Yang Y. (2016) Distinctiveness and Uniformity: Teaching Language in Singapore Primary Grades 1 and 2. In: Elaine Silver R., Bokhorst-Heng W. (eds) *Quadrilingual Education in Singapore*. Education Innovation Series. Springer, Singapore. https://doi-org.libproxy.nie.edu.sg/10.1007/978-981-287-967-7_10

Sloman, M. (2007). Making sense of Blended Learning. *Industrial and Commercial Training*, 39(6), pp.315-318.

Staker, H., Horn, B., Horn., Blended Learning in the K-12 Education Sector. (2014). In *Blended Learning* (pp. 309-325). Routledge. <https://doi.org/10.4324/9781315880310-34>

Sukatan pelajaran bahasa Melayu : sekolah rendah 2015 / Curriculum Planning & Development Division, Ministry of Education, Singapore. (2014). Curriculum Planning and Development Division, Ministry of Education.



Tan, C., Choong, K., Sivakumaran Ramalingam, Mohamed Aidil Subhan Mohamed Sulor., Goh, C., Mohd Mukhlis Abu Bakar, Sa'eda Buang, Li, J., Roksana Bibi Abdullah, Mohd Aidil Subhan, Lim, S., Xu, F., Aw, G., Chen, J., Nor Hayati Abdullah, Muhammad Irwan Jamal, Roszalina Rawi, & Seetha Lakshmi. (2019). *Innovative practice, practice innovation: re-envisioning mother tongue languages education in Singapore* / chief editor, Tan Chee Lay ; editor, Choong Kok Weng, A Ra Sivakumaran, Mohamed Aidil Subhan ; [foreword, Christine Goh].

Winter, R. 2003. Contextualising the patchwork text: Addressing problems of coursework assessment in higher education. *Innovations in Education and Teaching International* 40, no. 2: 112–22.